

**BN anjur Program Sentuhan Rakyat dan Kenduri Nasi Daging di kerusi Anwar**  
**The Malaysian Insider**  
**15 Oktober , 2011**

BUKIT MERTAJAM, 15 Okt – Lebih 3,000 orang menghadiri Program Sentuhan Rakyat dan Kenduri Nasi Daging yang di adakan di Sekolah Kebangsaan Tanah Liat, Permatang Pauh di sini hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata program yang bermula sejak semalam itu berjalan lancar dan sangat meriah.

“Semalam saya difahamkan hampir 1,000 orang hadir menyaksikan persembahan Wayang Kulit Seri Asun yang diadakan di padang sekolah,” katanya ketika merasmikan program itu di sini hari ini.

Kerusi Parlimen Permatang disandang oleh Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Nor Mohamed yang juga Ahli Parlimen Tasek Gelugor berkata program kenduri itu mampu menjadi platform semangat bekerjasama masyarakat dan menjadi perantaraan untuk memulihara kesenian dan kebudayaan pelbagai kaum.

“Program itu juga akan memberi ruang kepada pemimpin untuk mendekati masyarakat bagi mengenal pasti masalah dan kekurangan yang dihadapi oleh komuniti serta masyarakat setempat,” katanya dipetik Bernama Online.

Sementara itu, Ketua Umno Permatang Pauh datuk Abdul Jalil Abdul Majid berkata Program Sentuhan Rakyat dan Kenduri Nasi Daging itu merupakan sebahagian program yang telah diatur di bawah Program Merakyatkan Seni (PMS) anjuran Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-anjur-program-sentuhan-rakyat-dan-kenduri-nasi-daging-di-kerusi-anwar/>